

# UMPSA majukan program pelancongan pendidikan

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Julai 26, 2024 @ 8:05am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



*Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserie Zainuddin memberi durian untuk dirasa pelancong China yang menyertai program pelancongan pendidikan UMPSA. NSTP/Mohd Rafi Mamat*

PEKAN: Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) menerima kehadiran pelancong antarabangsa dari lapan negara menerusi program pelancongan pendidikan (edutourism), sejak enam tahun lalu.

Program yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 2014 menyaksikan universiti berkenaan menerima kehadiran antara lain pelancong dari Jepun, Indonesia, China, Yaman, Iran, Palestin dan Mesir.

Mereka mengikuti aktiviti pelancongan dengan tumpuan pada tiga elemen iaitu hutan, kampung budaya dan laut.

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata pelancong yang mengikuti program pelancongan pendidikan terdiri daripada penuntut luar negara yang sedang belajar di beberapa universiti di negara ini.

Beliau berkata, terdapat juga pelancong terdiri daripada penuntut universiti dan kolej luar negara yang datang khusus untuk mengikuti pakej pelancongan disediakan.

Katanya, penuntut yang mengikuti program pelancongan pendidikan yang disediakan UMPSA diberi peluang memilih pakej yang lebih tertumpu kepada produk pelancongan yang terdapat di Pahang dan negara ini.

"Menerusi pakej disediakan ia dapat memperkenalkan budaya, bahasa, makanan, tempat menarik serta kemudahan pendidikan yang terdapat di UMPSA dengan harapan dapat menarik minat mereka menyambung pengajian di UMPSA.

"Kita akan terus mempromosikan program pelancongan pendidikan bagi merencanakan lagi industri pelancongan, seterusnya memberi sumber pendapatan kepada pihak terbabit," katanya pada Majlis Pelancaran Program Edutourism Alumni UMPSA di Tasik UMPSA Pekan, semalam.

Pada program itu, turut diraikan, 50 pelancong China dari Beijing Polytechnic China dan BEIFANG Automotive Education Group (BAEG) yang mengikuti program pelancongan pendidikan UMPSA.

Selain pelbagai makanan dan buah-buahan, turut disediakan permainan tradisional seperti congkak, sepak raga, persembahan silat dan batu seremban yang turut disertai pelancong terbabit.

Yuserrie berkata, pihaknya akan mengadakan kerjasama dengan kampung tradisional di negeri ini yang menyediakan produk pelancongan, sekali gus memberi pendapatan tambahan pada penduduk kampung.

Beliau berkata, untuk menambah keselesaan pelancong yang mengikuti program pelancongan pendidikan UMPSA, pihaknya akan menambah baik kemudahan penginapan yang ada di UMPSA.

"Sebelum ini, pelancong mengikuti pakej melancong ke Taman Negara Kuala Tahan sambil mengikuti pelbagai aktiviti seperti menaiki perahu, mandi sungai dan masuk hutan," katanya.